

## SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTION (FAQ)

### DISKAUN 20% BAGI PELANGGAN DI PLAZA TOL JAMBATAN PULAU PINANG

Tarikh Kemaskini: 31 Oktober 2020

- A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% RFID
- B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% KAD PLUSMiles
- C. SOALAN BERKAITAN PLUSMILES
- D. SOALAN BERKAITAN DENGAN KEMPEN JOM PAKAT TUKAQ
- E. SOALAN AM

NO	SOALAN	JAWAPAN
<b>A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% RFID</b>		
1.	Bilakah PLUS akan mengaktifkan Diskaun 20% RFID kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	PLUS akan mengaktifkan Diskaun 20% RFID kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang pada <b>14 Julai 2020</b> .
2.	Adakah permohonan diskaun 20% RFID akan dibuka kepada semua kelas kenderaan?	TIDAK. Hanya kenderaan Kelas 2 dan 3 yang telah memasang dan mengaktifkan Tag RFID sahaja yang layak memohon kadar tol diskaun 20% dengan menepati syarat.
3.	Jika saya menggunakan Sistem RFID diskaun 20% sebagai kaedah pembayaran tol dan menggunakan kenderaan Kelas 3, dimanakah lorong yang sepatutnya saya lalui?	Pelanggan boleh melalui lorong yang mempunyai papan tanda RFID. Memandangkan Lorong U26 adalah lorong khas RFID, kenderaan RFID kelas 3 juga dibenarkan melalui lorong tersebut.
4.	Siapakah yang layak menikmati kadar tol diskaun 20% RFID di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dan apakah dokumen yang perlu disediakan semasa melakukan permohonan?	Terdapat 2 kategori : <b>1. Penduduk Pulau Pinang.</b> ➤ <u>Syarat kelayakan:</u> a) Warganegara Malaysia. b) Berumur 17 tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. c) Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang. d) Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja.

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p>e) Kenderaan hendaklah didaftarkan di bawah nama pemohon atau keluarga yang terdiri daripada ibu bapa, suami isteri dan anak-anak yang sah sahaja.</p> <p>➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u></p> <p>a) Salinan Kad Pengenalan pemohon</p> <p>b) Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan.</p> <p>c) Surat kebenaran dari pemilik kenderaan.</p> <p>d) Salinan geran kenderaan.</p> <p>e) Salinan Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa, suami/isteri atau anak pemohon)</p> <p><b>2. Pekerja atau Pelajar</b></p> <p>➤ <u>Syarat kelayakan:</u></p> <p>a) Warganegara Malaysia</p> <p>b) Berumur 17 tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan</p> <p>c) Bekerja/belajar di syarikat/institusi yang beralamat di Pulau Pinang</p> <p>d) Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja</p> <p>e) Kenderaan hendaklah didaftarkan di bawah nama pemohon atau keluarga yang terdiri daripada ibu bapa, suami isteri dan anak-anak yang sah sahaja</p> <p>➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u></p> <p>a) Salinan Kad Pengenalan pemohon</p> <p>b) Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan.</p> <p>c) Surat kebenaran dari pemilik kenderaan.</p> <p>d) Salinan geran kenderaan;</p> <p>e) Salinan Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa, suami/isteri atau anak pemohon)</p> <p>f) Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan pekerjaan/pengajian yang bertarikh tidak melebihi 1 bulan dari tarikh permohonan.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah permohonan diskaun 20% RFID boleh dilakukan di Kaunter Khidmat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	Tidak. Pelanggan perlu melakukan permohonan atas talian melalui portal Jimat di Penang sahaja dengan melayari <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a> .
6.	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% RFID dilakukan?	Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Layari portal PLUSMiles di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a></li> <li>2. Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran individu, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan.</li> <li>3. Muat naik dokumen yang diperlukan.</li> </ol>
7.	Adakah saya perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles?	YA. Anda perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles kerana akses ke portal diskaun 20% menggunakan butiran keahlian PLUSMiles.  Sila masukkan ID dan kata laluan yang sama seperti yang digunakan untuk mengakses portal PLUSMiles ketika mengakses <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a> .
8.	Saya bekerja tetap di Pulau Pinang, tetapi menggunakan kenderaan ibu saya, adakah saya layak untuk diskaun 20% ini?	YA Anda layak untuk memohon, namun sila sertakan Surat Kebenaran yang sudah ditandatangani pemilik kenderaan di dalam permohonan anda.
<b>B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% KAD PLUSMiles</b>		
1.	Sebagai pemegang Kad PLUSMiles diskaun 20% untuk Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 & 7, adakah pelanggan dibenarkan untuk memohon diskaun 20% Sistem RFID?	TIDAK. Pelanggan yang layak tidak dibenarkan memohon diskaun 20% RFID tetapi boleh memohon diskaun 20% Kad PLUSMiles

NO	SOALAN	JAWAPAN
2.	Adakah syarikat yang berpangkalan dan menjalankan operasi di Pulau Pinang layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad PLUSMiles?	<p>YA.</p> <p>Syarikat yang berpangkalan dan beroperasi di Pulau Pinang layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad PLUSMiles.</p>
3	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% Kad PLUSmiles dilakukan?	<p>Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Layari portal PLUSMiles di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a></li> <li>2. Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran syarikat, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan.</li> <li>3. Muat naik dokumen-dokumen yang diperlukan</li> <li>4. Maksima 10 kenderaan untuk setiap permohonan</li> </ol> <p>Berikut adalah dokumen yang perlu dimuat naik semasa melakukan permohonan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini dan beralamat di Pulau Pinang sahaja iaitu kedua-dua borang tersebut: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Borang D (Rule 13)</li> <li>➤ Borang Particulars of Registered Address</li> </ul> </li> <li>2. Salinan geran kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)</li> <li>3. Surat Rasmi permohonan syarikat yang menggunakan Letterhead beralamat di Pulau Pinang beserta senarai nombor pendaftaran kenderaan.</li> </ol>

NO	SOALAN	JAWAPAN
<b>C. BERKAITAN KEAHLIAN PLUSMILES</b>		
1.	Apa itu Program PLUSMiles?	PLUSMiles adalah program kesetiaan pelanggan PLUS Berhad yang direka khas untuk memberi penghargaan kepada pelanggan kami di lebuhraya PLUS *, ELITE, BKE, SPDH, LINKEDUA, JPP dan LPT2. Dengan mendaftarkan kad PLUSMiles/Touch 'n Go anda, anda dapat menikmati Mata Ganjaran PLUSMiles.
2.	Adakah saya dapat mengumpul Mata Ganjaran PLUSMiles dengan menggunakan RFID di Lebuhraya PLUS?	Buat masa ini, kami dalam proses memperluaskan pemberian Mata Ganjaran PLUSMiles kepada penggunaan RFID di Lebuhraya PLUS. Sebarang maklumat terkini akan kami maklumkan dari semasa ke semasa.
3	Adakah saya perlu menjadiahli PLUSMiles terlebih dahulu untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	Sekiranya anda ingin membuat permohonan diskaun tol 20% untuk kategori individu, anda perlu menjadi ahli PLUSMiles terlebih dahulu.
4.	Bagaimanakah saya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	<p><b>Pendaftaran Akaun Ahli PLUSMiles</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Layari <a href="https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/">https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/</a></li> <li>II. Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan</li> <li>III. Klik pada “Bukan ahli PLUSMiles? Klik disini untuk mendaftar”</li> <li>IV. Isi butiran maklumat diperlukan dan klik “Register”</li> <li>V. Semak emel untuk membuat pengesahan akaun PLUSMiles</li> <li>VI. Klik pautan pengesahan akaun PLUSMiles pada emel yang diterima</li> <li>VII. Pendaftaran ahli PLUSMiles telah berjaya, sila log masuk ke akaun PLUSMiles di <a href="https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/">https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/</a></li> </ol> <p><b>Ahli PLUSMiles Sedia Ada</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Layari <a href="https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/">https://ijmatdipenang.plusmiles.com.my/</a></li> <li>II. Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan</li> <li>III. Isi emel dan kata laluan akaun PLUSMiles sedia ada untuk log masuk</li> </ol>

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Ahli PLUSMiles Sedia Ada – Terlupa Kata Laluan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Layari <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a></li> <li>II. Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan</li> <li>III. Klik pada “Terlupa kata lauan? Klik disini”</li> <li>IV. Isi emel akaun PLUSMiles dan klik pada “penetapan kata laluan”</li> <li>V. Semak inbox emel dan klik pautan yang diberikan di dalam emel</li> <li>VI. Semak inbox untuk emel kedua yang mengandungi kata laluan sementara</li> <li>VII. Kembali ke <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a> dan log masuk menggunakan kata laluan sementara</li> </ol>
5.	<p>Cara membuat permohonan diskaun pembayaran tol 20% di JPP setelah berjaya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles:</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>I. Layari <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a></li> <li>II. Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan</li> <li>III. Pilih kategori sama ada penduduk tetap, pekerja atau pelajar di Pulau Pinang</li> <li>IV. Log masuk menggunakan butiran PLUSMiles anda. Sila rujuk C(3) untuk mengetahui cara-cara untuk mendaftar sebagai ahli PLUSMiles</li> <li>V. Lengkapkan pendaftaran berdasarkan butiran yang diperlukan</li> <li>VI. Muat naik dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, geran kereta dan surat pengesahan</li> </ol>
6.	<p>Perluah saya mendaftar akaun PLUSMiles yang baru sekiranya saya telah mempunyai akaun sedia ada untuk memohon diskaun 20% pembayaran tol Jambatan Pulau Pinang melalui RFID E-Wallet?</p>	<p>TIDAK.</p> <p>Anda hanya perlu log masuk ke akaun PLUSMiles sedia ada untuk membuat permohonan diskaun 20% pembayaran tol Jambatan Pulau Pinang di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a></p>
7.	<p>Apakah saya boleh lakukan dengan Mata Ganjaran PLUSMiles?</p>	<p>Anda boleh menebus Mata Ganjaran tersebut dengan memuat turun Aplikasi PLUS di Apple App Store atau Google Play Store atau layari <a href="https://redeem.plusmiles.com.my/">https://redeem.plusmiles.com.my/</a> untuk penebusan melalui web portal.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
8.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan Mata Ganjaran PLUSMiles?	Anda perlu menambahkan kad PLUSMiles/Touch 'n Go ke dalam akaun PLUSMiles ( <a href="http://www.plusmiles.com.my">www.plusmiles.com.my</a> atau muat turun Aplikasi PLUS). Anda layak mendapat Mata Ganjaran apabila anda melakukan perjalanan di Lebuhraya PLUS dengan menggunakan kenderaan persendirian (kelas 1) di PLUS, ELITE, BKE, SPDH, LINKEDUA, LPT2 & JPP (kelas 2 & 3).
9.	Bagaimanakah Mata Ganjaran PLUSMiles dikira?	Mata Ganjaran PLUSMiles diberikan kepada kenderaan persendirian berdasarkan jarak perjalanan Kilometer (KM) di (kelas 1) PLUS, ELITE, BKE, JPP, SPDH, LINKEDUA & LPT2, JPP (kelas 2 & 3).
10.	Bagaimanakah cara saya mengemaskini kata laluan akaun PLUSMiles saya?	Anda tidak boleh mengemaskini kata laluan di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a>  Untuk mengemaskini sila ikuti langkah tersebut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Layari <a href="http://www.plusmiles.com.my">www.plusmiles.com.my</a></li> <li>2. Klik "My Account"</li> <li>3. Klik "Edit"</li> <li>4. Ubah kata laluan anda (pastikan kata laluan mempunyai minima 10 aksara)</li> <li>5. Klik "Update"</li> </ol>
11.	Bolehkah saya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles bagi syarikat saya untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	TIDAK. Pendaftaran ahli PLUSMiles hanya terbuka kepada individu. Sekiranya anda ingin membuat permohonan diskaun tol 20% bagi syarikat, anda hanya perlu menekan butang "pendaftaran syarikat" setelah melayari <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my/</a>
12.	Adakah 1 akaun PLUSMiles untuk 1 akaunTnG eWallet?	YA. Walau bagaimanapun pendaftaran akaun PLUSMiles adalah berbeza daripada pendaftaran akaun eWallet Touch 'n Go

NO	SOALAN	JAWAPAN
<b>D. SOALAN KEMPEN JOM PAKAT TUKAQ</b>		
1.	Apakah itu Kempen Jom Pakat Tukar?	<p>Jom Pakat Tukar adalah kempen untuk mengalakkan pemegang kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG untuk menyerahkan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG yang sedia ada dan aktif kepada PLUS di Plaza Tol JPP. Dengan menyerahkan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG kepada PLUS, PLUS akan memberikan kad PLUSMiles yang baru (tanpa 20% diskaun) dan anda layak untuk bermain “Wheel of Fortune” untuk memenangi hadiah menarik daripada PLUS.</p>
2.	Bilakah bermulanya kempen Jom Pakat Tukar?	<p>Kempen Jom Pakat Tukar akan bermula pada 14 Disember 2020.</p> <p>*sehingga stok habis</p>
3.	Siapa yang layak menyertai kempen ini?	<p>Pemilik kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG atau wakil pemilik kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG yang mempunyai surat kebenaran untuk menyertai kempen ini.</p> <p>*kad dimiliki oleh individu - wakil termasuk ibubapa, anak atau suami isteri yang sah sahaja</p> <p>*kad dimiliki oleh syarikat - mempunyai kepala surat syarikat dan ditandatangani</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
4.	Bagaimanakah cara saya menyertai kempen ini?	<p>Langkah 1 : Bawa kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG ke Pusat Khdimat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang.</p> <p>Langkah 2: Berikan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG dan maklumat peribadi seperti nama, NRIC, email, nombor telefon untuk pengesahan kad oleh kakitangan PLUS.</p> <p>*kad PLUSMiles/TnG lama mestilah kad yang masih aktif  *Baki kad PLUSMiles/TnG lama akan dipindahkan ke dalam kad PLUSMiles/TnG baru. Kad PLUSMiles/TnG baru adalah tanpa 20% diskaun semasa melalui Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang.  *dengan memberikan maklumat anda, PLUS berhak untuk memadam rekod kad PLUSMiles lama yang didaftarkan di akaun PLUSMiles dan menambah rekod kad PLUSMiles baru ke dalam akaun PLUSMiles.  *dengan menyertai kempen ini, PLUS berhak untuk melupuskan kad PLUSMiles/TnG yang lama.</p> <p>Langkah 3: Dapatkan kad PLUSMiles/TnG baru dan hadiah misteri anda dengan menyertai “Wheel Of Fortune”! (1 kad = 1 peluang)</p>
5.	Apa itu “Wheel of Fortune”?	<p>“Wheel of fortune” adalah satu permainan cabutan bertuah di mana setiap pemulangan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG di Pusat Khdimat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang akan berpeluang memenangi hadiah yang bergantung kepada format cabutan bertuah.</p>
6.	Apakah perbezaan bagi kad yang saya menyerahkan dan kad baru yang diberikan oleh PLUS?	<p>Kad baru yang diberikan oleh PLUS adalah kad PLUSMiles/TnG biasa. i.e. tanpa 20% diskaun semasa melalui Tol JPP.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
7.	Di manakah perlu saya menyerahkan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG?	Di Pusat Khidmat Pelanggan JPP (10.00 A.M – 2.00 P.M)
8.	Apakah akan terjadi kepada baki kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG saya sekiranya saya menyerahkan kad tersebut?	Baki kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG anda akan di kembalikan ke dalam kad TnG baru.
<b>E. SOALAN AM</b>		
1.	Adakah Kaunter Khidmat Pelanggan (POS) di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang akan beroperasi seperti biasa?	<p>TIDAK.</p> <p>Berikut adalah makluman berkaitan pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaunter Khidmat Pelanggan akan beroperasi hanya dari jam 10 pagi hingga 2 petang pada setiap hari.</li> <li>2. Kaunter Khidmat Pelanggan hanya dibuka untuk perkhidmatan pembayaran kad PLUSMiles diskaun dan penyerahan kad kepada pemohon yang layak</li> </ol>
2.	Adakah penggunaan Kad PLUSMiles diskaun tol 20% sedia ada boleh digunakan selepas saya menikmati diskaun RFID 20%?	<p>YA.</p> <p>Pelanggan masih boleh menggunakan kad PLUSMiles diskaun tol 20% sedia ada sehingga dimaklumkan kelak.</p>
3.	Adakah pelanggan boleh memohon diskaun 20% Kad PLUSMiles sekiranya permohonan diskaun 20% RFID telah diaktifkan untuk kenderaan Kelas 2 dan Kelas 3?	<p>TIDAK.</p> <p>Tiada permohonan baharu Kad PLUSMiles diskaun 20% kepada pemohon yang layak setelah diskaun 20% RFID diaktifkan.</p>
4.	Sekiranya saya adalah pemegang Kad PLUSMiles diskaun 20%, adakah saya layak untuk memohon diskaun RFID 20%?	<p>YA.</p> <p>Pelanggan yang layak digalakkan untuk memohon RFID diskaun 20% tetapi masih tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
5.	Saya dilahirkan di Pulau Pinang dan Kad Pengenalan saya menggunakan Kod Negeri Pulau Pinang (07). Alamat Kad Pengenalan saya adalah di Kedah. Adakah saya layak memohon diskaun RFID 20% atau Kad PLUSMiles diskaun?	TIDAK. Hanya Kad Pengenalan yang beralamat di Pulau Pinang sahaja yang layak memohon diskaun RFID 20% bagi kategori penduduk.
6.	Berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan diskaun 20% RFID atau Kad PLUSMiles diskaun 20%?	Tempoh kelulusan selepas tarikh permohonan akan mengambil masa sekitar 3-7 hari, bergantung kepada maklumat serta dokumen sokongan yang lengkap.
7.	Sekiranya permohonan diskaun 20% RFID diluluskan, bolehkah saya menuntut transaksi terdahulu yang tidak mendapat diskaun 20%?	TIDAK. Tiada tuntutan yang dibenarkan untuk transaksi sebelum ini.
8.	Berapakah tempoh sah laku diskaun 20% RFID?	Tempoh sah laku adalah selama 2 tahun dari tarikh permohonan diluluskan.  Permohonan penyambungan diskaun hanya boleh dilakukan bermula sebulan dari tarikh tamat tempoh.
9.	Di manakah lokasi lain berhampiran JPP untuk pengguna membeli kad pintar TnG?	Kad pintar TnG boleh dibeli di Touch 'n Go spot atau kedai serbaneka berdekatan yang terpilih.
10.	Adakah terdapat lorong hybrid (SmartTag/RFID) di JPP?	TIDAK. Hanya terdapat Lorong Khas SmartTag atau RFID sahaja.
11.	Bagaimanakah cara untuk memperbaharui kad PLUSMiles diskaun 20% JPP yang telah tamat tempoh?	A. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika kenderaan pelanggan adalah Kelas 2 atau Kelas 3: ➤ Pelanggan perlu mempunyai akaun e-Wallet, telah sedia memasang pelekat RFID dan mengaktifkannya melalui TNG.

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Layari portal PLUSMiles di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a></li> <li>➤ Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran individu, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan.</li> <li>➤ Muat naik dokumen yang diperlukan.</li> </ul> <p>B. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika kenderaan pelanggan adalah Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 &amp; 7:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Layari portal PLUSMiles di <a href="http://www.jimatdipenang.plusmiles.com.my">www.jimatdipenang.plusmiles.com.my</a></li> <li>➤ Lengkapkan Permohonan Diskaun 20% Kad PLUSMiles</li> <li>➤ Muat naik dokumen yang diperlukan.</li> </ul>
12.	Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya dikenakan caj sebanyak 2 kali apabila berlaku masalah, sama ada di lorong SMARTAG atau RFID?	<p>Pelanggan boleh melakukan tuntutan atas talian di laman sesawang :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <a href="https://www.touchngo.com.my/erefund/">https://www.touchngo.com.my/erefund/</a> (SmartTAG)</li> <li>➤ <a href="https://mx.touchngo.com.my/faq">https://mx.touchngo.com.my/faq</a> (RFID)</li> </ul>
13.	Adakah permohonan diskaun 20% pembayaran tol Jambatan Pulau Pinang melalui RFID E-Wallet ini boleh didapati di Pusat Pemasangan yang lain?	<p>Semua permohonan diskaun perlu dilakukan secara atas talian di <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a></p> <p>Pemasangan pelekat RFID boleh dilakukan di pusat pemasangan atau pembelian DIY kit di Lazada atau Shopee.</p>
14.	Apakah akan terjadi kepada kad PLUSMiles / Touch 'n Go diskaun 20% yang sedia ada?	Masih boleh digunakan hingga tamat tarikh tempoh sah.
15.	Bolehkah saya menukar dan/atau memindah diskaun kepada pihak lain?	Tidak, diskaun ini mengikut TnG e-wallet dan RFID yang didaftarkan berdasarkan pemilik kenderaan dan no.plat kenderaan, serta permohonan telah diluluskan melalui portal <a href="http://jimatdipenang.plusmiles.com.my">jimatdipenang.plusmiles.com.my</a>

NO	SOALAN	JAWAPAN
16.	Perluakah saya mendapatkan pelekat RFID dahulu atau daftar permohonan diskaun 20%?	YA. Anda perlu mempunyai pelekat RFID dan mengaktifkannya dengan pihak TNG terlebih dahulu memandangkan no. pelekat RFID perlu disertakan dalam permohonan.
17.	Saya mempunyai dua kenderaan, bolehkah kedua-dua kenderaan didaftarkan dibawah nama saya?	TIDAK. Kerana satu pemohon hanya boleh mendaftarkan satu kenderaan sahaja.
18.	Jika permohonan saya diluluskan, adakah saya dapat menikmati diskaun ini selamalamanya?	Tempoh sah untuk setiap kelulusan ialah selama 2 tahun.
19.	<p>Saya telah menikmati diskaun 20% melalui RFID. Adakah saya perlu membuat permohonan baru jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kereta saya dicuri</li> <li>➤ Kereta lama telah dijual dan membeli kereta baru</li> </ul>	<p>YA.</p> <p>Pemilik kenderaan perlu memaklumkan kepada pihak Touch 'n Go untuk membatalkan RFID Tag di kenderaan yang telah dijual atau dicuri. Anda perlu memasang dan mengaktifkan tag RFID yang baru sebelum memohon diskaun dengan pihak PLUS.</p> <p>Seterusnya, pelanggan perlu menghantar permohonan baharu melalui emel kepada <a href="mailto:customerfeedback@plus.com.my">customerfeedback@plus.com.my</a> dengan menyatakan permohonan diskaun disebabkan pertukaran kenderaan.</p>
20.	Saya membeli kereta terpakai, masih berhutang dengan pihak Bank dan tiada nama di dalam Geran Kenderaan. Permohonan diskaun 20% JPP saya telah ditolak. Apakah yang perlu saya lakukan?	Pemohon boleh merujuk kepada pihak JPJ untuk pengeluaran geran kenderaan. Pihak JPJ hanya mengeluarkan geran atas pemilik kenderaan sahaja.
21.	<p>Sekiranya permohonan saya telah ditolak, bolehkah saya membuat permohonan semula?</p> <p>Sekiranya boleh, berapa lama saya perlu menunggu untuk membuat permohonan semula?</p>	<p>Boleh. Walaubagaimanapun, pemohon masih tertakluk kepada syarat-syarat permohonan diskaun yang sedia ada.</p> <p>Tempoh untuk menerima maklum balas permohonan adalah dari 3 ke 7 hari selepas menghantar permohonan.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
22.	Apakah maklumat yang perlu ada dalam "Surat kebenaran dari pemilik kenderaan (Authorization letter)?	<p>Maklumat yang perlu ada adalah seperti berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pengesahan kebenaran dari pemilik kenderaan kepada pemohon untuk membenarkan pendaftaran kenderaan beliau</li> <li>• nama penuh dan nombor kad Pengenalan untuk pemohon dan pemilik kenderaan</li> <li>• nombor plat kenderaan</li> </ul>
23.	Tempoh sah laku adalah selama 2 tahun dari tarikh permohonan diluluskan. Adakah terdapat sebarang caj kepada pengguna untuk membuat penyambungan?	Tiada
24.	Permohonan saya telah ditolak, sistem menyatakan "Pemohon tidak layak dengan syarat kelayakan". Apakah yang perlu saya lakukan?	Syarat-syarat program diskaun ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan hak pihak PLUS. Pihak syarikat tiada perancangan untuk mengubah mana-mana syarat yang telah ditetapkan.
25.	Bilakah permohonan untuk Pendaftaran Syarikat dibenarkan?	Permohonan akan dibuka pada 2 November @ 10 pagi.
26.	Bagaimanakah cara untuk menyemak status permohonan saya?	Pelanggan boleh menyemak sendiri status permohonan melalui portal <a href="https://jimatdipenang.plusmiles.com.my">https://jimatdipenang.plusmiles.com.my</a>
27.	<p>Saya telah menghantar permohonan beberapa kali tetapi tidak berjaya. Apakah yang perlu saya lakukan?</p> <p>Bolehkah saya menghantar dokumen yang diperlukan di Pusat Khidmat Pelanggan Jambatan Pulau Pinang?</p>	<p>TIDAK.</p> <p>Tiada permohonan penghantaran dokumen akan diproses melalui kaunter di Pusat Khidmat Pelanggan.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
28.	Mengikut terma dan syarat, kelulusan adalah dari pihak PLUS & Pengaktifan diskaun adalah dari Touch 'n Go. Adakah pengaktifan tidak akan dibuat oleh Touch 'n Go sekiranya maklumat yang diberikan tidak sama dengan maklumat e-wallet?	YA. Pihak Touch n' Go akan menyemak maklumat kenderaan no plat sahaja untuk tujuan pengaktifan.
29.	Adakah pihak Touch 'n Go akan menghubungi saya sekiranya terdapat sebarang masalah ketika pengaktifan diskaun dibuat?	TIADA. Sebarang pertanyaan mengenai pengaktifan diskaun, sila hubungi talian TnG Careline di 03-27148888
30.	Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya menghadapi masalah berkenaan akaun PLUSMiles?	Anda boleh menghubungi chatbot PUTRI kami sama ada di laman sesawang PLUS atau boleh juga hubungi PLUSLine di 1800-88-0000 atau emel kami customerfeedback@plus.com.my.
31	Saya telah menikmati diskaun 20% melalui RFID. Sekiranya RFID Tag saya rosak dan telah menukar TAG RFID yang baharu, perlukah saya buat permohonan diskaun 20% semula?	TIDAK. Kerana kenderaan anda sudah sedia menikmati diskaun 20% dan telah dipautkan pada Tag RFID yang baharu.
32	Saya mempunyai lori persendirian, namun tidak dapat memohon diskaun 20% bagi RFID yang hanya disediakan kepada kenderaan kelas 2 & 3. Bolehkan saya buat permohonan diskaun 20% melalui Kad PLUSMiles?	TIDAK. Permohonan diskaun 20% melalui kad PLUSMiles hanya dibuka kepada lori syarikat sahaja.
33	Saya merupakan penduduk Pulau Pinang dan mendapat kereta daripada syarikat untuk kegunaan seharian saya. Adakah saya perlu membuat permohonan diskaun 20% bagi Kad PLUSMiles atau RFID?	Bagi kategori syarikat, hanya kenderaan kelas 3A dan keatas sahaja yang layak untuk mendapat diskaun 20% melalui Kad PLUSMiles. Bagi pemohon RFID, kenderaan tersebut hendaklah didaftarkan kepada pemohon atau keluarga pemohon (ibubapa dan anak sahaja) bagi menikmati diskaun 20%.